



# SIARAN MEDIA

---

## **MORATORIUM KELULUSAN BAHARU PENUBUHAN LADANG HUTAN TIDAK AKAN MENJEJASKAN SUMBER BEKALAN KAYU NEGARA**

---

Mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-79 (MTN Ke-79) yang bersidang pada 2 Disember 2021 yang lalu telah bersetuju secara prinsip dengan pelaksanaan moratorium kelulusan baharu penubuhan ladang hutan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Semenanjung Malaysia selama 15 tahun.

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) ingin menyatakan bahawa tindakan moratorium ini tidak akan memberikan kesan terhadap bekalan bahan mentah dari sumber tempatan bagi keperluan industri pemprosesan kayu. Ini disebabkan keputusan moratorium tersebut hanya melibatkan baki kelulusan yang belum diberikan kepada mana-mana syarikat atau pengusaha ladang oleh kerajaan negeri. Sementara itu, kelulusan pembangunan ladang hutan yang telah dibuat oleh kerajaan negeri kepada mana-mana syarikat atau pengusaha ladang yang sedia ada tidak terlibat dengan pelaksanaan moratorium ini.

Berdasarkan rekod, Catuan Tebangan Tahunan (CTT) daripada hutan pengeluaran sedia ada dalam HSK dan kawasan-kawasan pembangunan dalam tanah milik dan tanah kerajaan dijangka mampu mengeluarkan secara purata 4.1 juta m<sup>3</sup> bekalan bahan mentah setahun. Ini belum mengambil kira kawasan ladang hutan yang telah ditanam seluas 113,039.50 hektar dalam HSK yang dianggarkan mampu mengeluarkan bekalan bahan mentah sebanyak 1.5 juta m<sup>3</sup> setahun. Purata keperluan kayu balak di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 4.2 juta m<sup>3</sup> setahun.

KeTSA akan mengadakan perundingan secara terperinci dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi mencapai kata sepakat dalam menjayakan keputusan yang telah dipersetujui dalam MTN Ke-79.

Selain itu, KeTSA meminta kerjasama kerajaan-kerajaan negeri memastikan pengusaha ladang menyegerakan penanaman di kawasan ladang hutan yang telah diluluskan dan dibersihkan. Kawasan yang telah dibersihkan tidak wajar dibiarkan kosong bagi mengelakkan kemerosotan ekosistem dan risiko berlakunya kejadian bencana alam.

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan jabatan-jabatan perhutanan negeri sentiasa bersedia memberikan khidmat nasihat dalam pengurusan ladang hutan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

## **KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**10 DISEMBER 2021**